

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KETUA BAHAGIAN KEJURUTERAAN SKUADRON 321

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2865-majlis-serah-terima-tugas-ketua-bahagian-kejuruteraan-skuadron-321

GONG KEDAK, 10 Jan 18 – Majlis Serah Terima Tugas Ketua Bahagian Kejuruteraan Skuadron 321 iaitu Mej Abdullah Irfan bin Abdullah TUDM kepada pengganti yang baru iaitu Mej Nazri bin Mustafa TUDM dengan secara rasminya bermula pada 10 Jan 18. Majlis ini telah diadakan di hadapan Markas Skuadron 321 dan turut dihadiri Pegawai-pegawai, anggota dan staf awam Skuadron 321 dan disaksikan oleh Pegawai Memerintah Skuadron 321, YBhg Mej Mohd Hafiz bin Mohamed TUDM.

Mej Abdullah Irfan bin Abdullah TUDM akan bertukar keluar ke Pangkalan Udara Kuala Lumpur dan menjawat jawatan sebagai Ketua Skuadron Bantuan Komputer EWSC.

